

11 Mac 2010

## **SUSI Tawar Pengalaman Intensif Budaya**

Sarjana dan mahasiswa mengikuti program akademik dan kembara selama enam minggu

Oleh Howard Cincotta

Koresponden Khas

Washington - Setiap tahun, sekumpulan kecil para pelajar, sarjana dan guru datang ke Amerika Syarikat untuk mengalami sendiri kehidupan di A.S. melalui program-program pengajian pendek dan intensif serta kembara yang ditaja oleh Biro Pendidikan dan Kebudayaan Jabatan Negara A.S.

Sarjana-sarjana dan ahli-ahli akademik antarabangsa yang aktif dalam beberapa aspek kajian Amerika dipilih untuk menyertai dalam salah satu daripada lapan program Pengajian Institut Amerika Syarikat:

- Sastera Kontemporari Amerika
- Pluralisme Agama di Amerika Syarikat
- Politik dan Pemikiran Politik Amerika
- Kewartawan dan Media
- Budaya dan Masyarakat A.S.
- Dasar Luar Negara AS
- Penggubalan Dasar Keselamatan Nasional AS
- Pengajian Amerika Syarikat bagi Pendidik Sekolah Menengah

Setiap institut dikendalikan oleh universiti-universiti berbeza di Amerika dan dipilih melalui satu persaingan terbuka. Sesi program ini biasanya berlangsung selama enam minggu setiap musim panas, dengan penyertaan 18 orang setiap sesi. (Program Institut Penggubalan Dasar Keselamatan Kebangsaan di Universiti Delaware diadakan pada bulan Januari dan Februari.)

Para pengarah institut mengakui bahawa mereka menyerapkan banyak pembacaan dan kajian dalam program mereka. Namun peserta program juga diberi masa untuk bertemu warga Amerika di luar dunia akademik.

"Saya tidak sangka begitu banyak yang boleh dilakukan dalam tempoh masa yang singkat," kata Khalid Aludayli dari Jordan, yang menghadiri Institut Sastera Kontemporari Amerika pada tahun 2006.

Sebahagian besar program institut dibuat dalam masa empat minggu merangkumi kajian di universiti, diikuti dengan lawatan ke tiga bandar - salah satu darinya adalah Washington - yang memberi pengalaman sosial dan budaya yang sangat berbeza.

Sarjana dan ahli akademik yang berminat untuk mengikuti Pengajian Institut Amerika Syarikat tidak memohon secara langsung, tetapi melalui Kedutaan A.S. di negara asal mereka.

Jabatan Negara juga menaja program institut bagi pemimpin-pemimpin pelajar yang kini berjumlah 23 sesi musim panas di sembilan kampus kolej, dan tiga institut musim sejuk. Setiap program mahasiswa bertumpu pada bidang kajian tertentu - seperti alam sekitar, media baru, kepelbagaian agama dan keusahawanan sosial - namun kesemuanya mengandungi sesi mengenai kepimpinan dan perkhidmatan masyarakat. Beberapa program dibuat sepenuhnya dalam bahasa Sepanyol.

Seperti juga dengan program institusi bagi sarjana, individu yang berminat menyertai institut pemimpin pelajar perlu memohon melalui Kedutaan AS di negara mereka.

## MENANGANI KEPELBAGAIAN

Sesuatu perkara yang dikongsi oleh semua program institut adalah pendedahan kepada kepelbagaian sosial dan budaya Amerika. Contohnya Institut Pluralisme Agama di Amerika Syarikat yang diadakan di Universiti California, Santa Barbara.

Fokus institut ini bukan mengenai kepercayaan agama itu tapi bagaimana model pluralis berfungsi dalam masyarakat seperti di Amerika Syarikat, menurut Wade Roof, profesor kajian agama yang berkhidmat sebagai pengarah akademik institut tersebut.

"Kami mahu mendedahkan mereka kepada pengalaman agama dan budaya Amerika," kata Roof. "Kami bertanya, dapatkah model ini menawarkan sesuatu apabila anda kembali ke negara asal?"

Dengan jadual kelas yang ketat, para peserta pada tahun 2009 - sebahagian besarnya pensyarah-pensyarah agama, falsafah dan sains sosial - meneroka lanskap kepelbagaian agama di Amerika.

Di kawasan Santa Barbara yang mempunyai seramai 400,000 orang penduduk, peserta-peserta program dibawa melawat sebuah gereja besar Kristian, sebuah masjid, dan pusat agama Buddha.

Kembara ke Los Angeles pula meliputi kunjungan ke Pusat Islam Selatan California, gereja Katolik dan kuil Hare Krishna. Para peserta dibawa mengenali agama Mormon dan Kuil Mormon yang penting di Salt Lake City, Utah, dan Gereja Baptis Ebenezer, tempat di mana Martin Luther King Jr beribadat, serta Kuil Hindu Atlanta di Georgia.

Perjalanan mereka berakhir di Washington dengan kunjungan ke Katedral Kebangsaan dan perjumpaan dengan pihak agensi Perkongsian Berasaskan Kepercayaan dan Kejiranran Rumah Putih.

Tahun lalu, Institut Sastera Kontemporari Amerika mengajak para peserta mengamati San Francisco melalui lensa novel moden *The Crying Lot 49* oleh Thomas Pynchon, dan memoir penceritaan dan keluarga *The Woman Warrior* oleh Maxine Hong Kingston, seorang warga Asia-Amerika.

Kembara ke Santa Fe, New Mexico, pula memperkenalkan peserta-peserta kepada khazanah sastera kaum India Amerika dan Latino.

Pengarah Byers juga meningkat jumlah penulis-penulis daripada kalangan kaum Arab-Amerika dan Asia Selatan seperti Naomi Shihab Nye dan Jhumpa Lahiri. Menurut pengamatan Byers, satu mesej utama dalam semua tulisan mereka adalah "bagaimana cerita mencipta identiti."

## **PEMIMPIN PELAJAR**

Institut kepimpinan pelajar bertujuan memberi pandangan mendalam mengenai masyarakat A.S., menurut Markus Protti dari Institut Latihan dan Pembangunan di Amherst, Massachusetts. Program ini juga menawarkan pelbagai latihan kepimpinan.

Protti menguruskan enam institut pemimpin pelajar bagi kawasan hemisfer barat. Beliau mengendalikan satu program di Amherst sementara mengawasi dua institut musim sejuk lain, satu di Universiti Tennessee, dan satu lagi di Universiti Arizona yang dikendalikan sepenuhnya dalam bahasa Sepanyol.

Hari biasa dimulakan dengan dua syarahan selama 90 minit, diikuti dengan perbincangan, dan kunjungan ke agensi negeri tempatan atau organisasi bukan untung pada waktu tengah hari. Di antara pertubuhan ini adalah Mahkamah Agung negeri, rumah bantuan bagi warga tua dan pusat perlindungan haiwan peliharaan terbiar.

Semua program institusi mengadakan lawatan belajar. Para pelajar Amherst mengunjungi Tucson, Arizona, dan pelajar Tennessee pula mengunjungi Atlanta, Georgia.

Pelajar program Arizona lebih bertumpu kepada kaum Indian Amerika di barat daya, serta mengunjungi Boston dan New York. Kesemua peserta di tiga institut kemudian bertemu di Washington dan menceritakan pengalaman mereka kepada Jabatan Negara.

Selain program formal, para peserta juga berpendapat pertemuan dan persahabatan peribadi yang mereka alami dapat meninggalkan kenangan manis.

"Tinggal bersama keluarga angkat di Amerika adalah salah satu perkara yang paling menakjubkan dalam program, di mana kami boleh memahami budaya dan kehidupan harian di Amerika dengan lebih baik," kata peserta pemimpin pelajar Ahmed Omar Afifi dari Mesir. "Kami berpeluang untuk benar-benar

berbincang mengenai pandangan agama dan politik kami - bahkan makanan kegemaran, muzik dan sukan di kedua-dua bagi kedua belah pihak."

Ketika ditanya apa yang dia pelajari semasa program pemimpin pelajar tahun 2008, Ummar Zia dari Pakistan berkata, "daripada mengimpikan keseragaman, lebih baik kita meraikan kepelbagaiannya."

## **KESAN PROGRAM PERTUKARAN**

Kebanyakan peserta mendapati di antara aspek-aspek program, yang paling memberi kesan adalah rakan-rakan yang mereka temui dari seluruh dunia.

"Sungguh mengagumkan apabila saya dapat bertemu dengan 17 peserta dari 17 negara," kata Yukio Wang dari China, yang mengikuti program Institut Sastera Kontemporari Amerika di Universiti Louisville di Kentucky. "Respons kami mungkin berbeza kerana datang dari perspektif yang berbeza, namun kami banyak juga berkongsi perkara yang sama."

Thomas Byers, profesor bahasa Inggeris dan pengarah program sastera Amerika di Louisville, melihat pola yang sama. "Hubungan mereka menjadi erat melalui pengalaman pertembungan budaya yang dialami bersama-sama ketika di AS," katanya.

Kebanyakan peserta akan memperkenalkan pendekatan baru dalam pengajaran kajian Amerika apabila kembali ke negara masing-masing.

Aludayli berkata dia telah membina dan mengajar kursus baru tentang sastera warga Afrika-Amerika di Jordan. Program institut ini katanya, "meningkatkan keyakinan diri sendiri kami di tengah-tengah perbezaan budaya yang pelbagai. . Saya pulang sebagai seorang profesor bahasa dan sastera yang lebih yakin terhadap diri sendiri."

Institut Dasar Luar AS, yang diadakan di Universiti Florida di Gainesville, mengambil pendekatan bukan konvensional dengan tidak banyak menumpukan kepada topik tradisional seperti NATO atau hubungan AS-China, tetapi lebih kepada faktor-faktor domestik yang mempengaruhi dasar yang sering disalahfahami - seperti Kongres, negeri, pelobi, atau masyarakat diaspora seperti masyarakat Amerika Cuba.

"Saya telah mengubah silibus dan lebih menekankan sumber-sumber domestik dasar luar negara AS," kata Pawel Frankowski, yang mengajar sains politik di Lublin, Poland. "Pelajar-pelajar saya sangat terkejut apabila saya memberi tumpuan kepada pelobi dan tentera dan bukannya soal strategi yang lebih besar."

Abdullah Al-Asmary, yang mengajar bahasa dan sastera di Universiti Raja Saud, teringat kata-kata daripada seorang profesor kepada mereka semasa program institut bagi pendidik sekolah menengah pada tahun 2008.

Kata-kata profesor tersebut adalah: "Tujuan pendidikan bukan untuk mengisi pelajar dengan maklumat, tetapi membolehkan mereka dapat berbahas mengenai isi kandungan."

Al-Asmary berkata, "Setiap kali saya berdiri di depan pelajar saya, saya bertanya kepada diri sendiri - bagaimana menjadikan mereka lebih melibatkan diri?"

Israr Shahbaz Khan dari Pakistan, yang belajar di sebuah institusi pemimpin pelajar di Vermont pada tahun 2008, berkata, "ketika saya datang ke Amerika, saya adalah orang Pakistan, namun ketika saya meninggalkannya, saya adalah seorang manusia dan seorang warga dunia."